

# Skim PINTAR dilancar

um- 1/8/2007

BAGAN SERAI 31 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan skim untuk menggalakkan kepintaran, memupuk bakat dan mendukung tanggungjawab (PINTAR) di Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Perdana Menteri berkata, skim itu akan dijayakan oleh 24 syarikat milik kerajaan (GLC) yang akan memberi pelbagai kemudahan dan bantuan kepada sekolah-sekolah terpilih termasuk sekolah pedalaman di utara Perak.

Usaha itu, katanya, merupakan salah satu usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai modal insan berkualiti bagi mengisi keperluan dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

"Saya mempunyai harapan besar untuk melihat kemajuan modal insan menerusi program PINTAR," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Koridor Utara di Sekolah Menengah Kebangsaan Selinsing di sini hari ini.

Sementara itu, satu kenyataan yang dikeluarkan di sini menyebut sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar akan dikenal pasti untuk dijadikan sekolah angkat.

"Perluasan skim PINTAR ke kawasan Koridor Utara akan melengkapkan usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan tahap pendidikan di seluruh negara," kata kenyataan itu.

Program itu antara lain akan memastikan pelajar memiliki sumber (makanan dan pakaian) untuk ke sekolah, menganjurkan program tambahan bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris, membekalkan peralatan untuk aktiviti sukan dan mendidik ibu bapa di luar bandar mengenai pentingnya pendidikan.

Sementara itu, banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000 menunjukkan bahawa lebih 126,000 penduduk di utara yang berusia antara 15 dan 19 tahun mempunyai tahap kelulusan yang lebih rendah daripada Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Koridor Utara mempunyai jumlah penduduk berusia muda dengan 41.7 peratus di bawah 20 tahun dan sebanyak 32.2 peratus lagi dalam lingkungan umur 20 hingga 39 tahun.